

Headline	Pengecualian duti setem		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	28	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	417 cm ²
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 16,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,092



Guan Eng bersama Raja Kamarul Bahrin (dua dari kiri), Soam (dua dari kanan) Tong (kanan) selepas sidang media mengenai HOC 2019 di Wisma REHDA, semalam.

Hazwan Faisal Mohamad
bisnes@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Kerajaan bersetuju untuk memberi pengecualian duti setem bagi surat cara pembelian rumah dan surat cara perjanjian pinjaman untuk rumah yang dijual sepanjang tempoh kempen pemilikan rumah (HOC) diadakan dari Januari hingga Jun ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, bagi surat cara pembelian rumah, duti setem untuk rumah berharga RM1 juta akan dikecualikan sepenuhnya, manakala tiga peratus bagi rumah berharga daripada RM1,000,001 hingga RM2.5 juta.

Katanya, surat cara perjanjian pinjaman juga diberikan pengecualian sepenuhnya sepanjang tempoh enam bulan ini bagi rumah berharga

Pengecualian duti setem

■ Surat cara perjanjian pinjaman rumah sepanjang kempen HOC

RM300,000 hingga RM2.5 juta ke bawah, berbanding kadar 0.5 peratus yang dikenakan ketika ini.

Selain itu, beliau berkata, pemaju juga telah bersetuju untuk memberi diskaun sekurang-kurangnya 10 peratus kepada rumah yang dijual dalam HOC ini.

“Namun, kita harapkan pemaju akan boleh memberi diskaun yang lebih tinggi sama ada 15 ke 20 peratus untuk menarik lebih ramai pembeli. Tawaran ini hanya sah untuk rakyat Malaysia, bagi jualan yang dimuktamadkan di antara Januari se-

hingga Jun 2019 untuk projek perumahan yang diberikan diskaun sekurang-kurangnya 10 peratus dan disahkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

“Insentif ini adalah tindakan lanjutan oleh kerajaan selepas memberikan pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terhadap bahan binaan utama seperti batu bata, simen dan pasir dan juga perkhidmatan pembinaan. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan harga jualan rumah

kecuali rumah harga terawal (berharga RM300,000 ke bawah), sama ada yang sudah sedia dibina atau rumah baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai insentif untuk HOC 2019 di Wisma REHDA, semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah; Presiden REHDA Datuk Soam Heng Choon dan Pengerusi Jawatankuasa Pengajura HOC Datuk NK Tong.